



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**SI MATI**

**BAHAGIAN I - PENGENALAN**

**KETETAPAN UMUM NO. 9/2023**

**TARIKH PENERBITAN: 27 DISEMBER 2023**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**SI MATI BAHAGIAN I - PENGENALAN**

**Ketetapan Umum No. 9/2023**

**Tarikh Penerbitan: 27 Disember 2023**

---

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2023 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	1
5. Punca – Punca Pendapatan Individu Sebelum Kematian	2
6. Tindakan Pemberitahuan Kematian Si Mati	6
7. Harta Pusaka Si Mati	7
8. Pentadbiran Harta Pusaka Oleh Wasi	9
9. Tanggungjawab Wasi	10
10. Tempoh Pentadbiran Harta Pusaka Oleh Wasi	13
11. Prosedur	15
12. Penafian	15

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

**1. Objektif**

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan berhubung pentadbiran harta pusaka dan liabiliti Si Mati.

**2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**

2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang telah berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.

2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 4, 64, 74 dan 106, subseksyen 13(1) dan 83(3) dan perenggan 4(a), 4(b), 4(c), 4(d), 4(e) dan 4(f).

**3. Tafsiran**

Istilah yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

3.1 “Individu” bermaksud orang biasa.

3.2 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.

3.3 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.

3.4 “Wasi” bermaksud wasi, pentadbir atau orang lain yang mentadbir atau menguruskan harta pusaka orang yang telah meninggal dunia.

**4. Pengenalan**

Individu yang meninggal dunia akan meninggalkan harta, hutang atau kedua-duanya yang perlu diuruskan oleh wasi Si Mati.

Semua harta yang ditinggalkan oleh Si Mati selepas kematiannya dikenali sebagai harta pusaka. Harta pusaka ini ditadbir oleh wakil sah Si Mati dan diagihkan kepada waris Si Mati yang berhak, dikenali sebagai benefisiari.

Selain harta pusaka Si Mati juga meninggalkan liabiliti seperti hutang yang masih ditanggung oleh Si Mati. Harta pusaka Si Mati tidak boleh diagihkan kepada waris yang berhak sehingga semua liabiliti Si Mati termasuk liabiliti cukai dijelaskan sepenuhnya.

## **5. Punca - Punca Pendapatan Individu Sebelum Kematian**

Pendapatan individu semasa hidup terdiri daripada punca - punca pendapatan yang dirujuk di bawah seksyen 4 ACP seperti berikut -

### **5.1 Pendapatan Perniagaan – Perenggan 4(a) ACP**

Perniagaan terdiri daripada perniagaan milikan tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad dan syarikat sendirian berhad.

#### **a) Milikan Tunggal**

Pendapatan bagi perniagaan milikan tunggal adalah pendapatan pemilik (individu) itu sendiri. Jika individu berkenaan meninggal dunia, maka perniagaan milikan tunggal itu secara automatik dianggap terubur.

#### **b) Perkongsian**

Ahli kongsi biasanya menerima gaji daripada perniagaan perkongsian dan juga berkongsi keuntungan perniagaan perkongsian berkenaan.

Jika salah seorang ahli kongsi meninggal dunia, maka pemilikan perkongsian itu sama ada berpindah kepada individu lain atau perkongsian itu dibubarkan, atau perniagaan perkongsian menukar statusnya menjadi milikan tunggal.

#### **c) Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)**

PLT merupakan satu bentuk entiti hibrid yang mempunyai kedua-dua ciri syarikat dan perkongsian serta menawarkan liabiliti terhad kepada pekongsi-pekongsi.

Pekongsi PLT lazimnya menerima saaraan dan pulangan dalam bentuk pembahagian keuntungan perniagaan.

Apabila pekongsi suatu PLT meninggal dunia, keahlian dalam PLT tersebut akan berpindah milik kepada orang lain melalui pembahagian harta pusaka Si Mati.

Walau bagaimanapun, tiada berlaku perubahan dalam perniagaan PLT berkenaan.

d) Syarikat Sendirian Berhad

Syarikat sendirian berhad dan pemegang sahamnya merupakan entiti yang berasingan di bawah undang-undang. Secara umum, individu pemegang saham, akan menerima yuran pengarah sekiranya dilantik sebagai pengarah dan juga pembahagian keuntungan syarikat.

Apabila pemegang saham meninggal dunia tiada lagi yuran pengarah akan diterima. Pembahagian keuntungan syarikat selepas tarikh kematian Si Mati merupakan sebahagian pendapatan harta pusaka yang akan ditadbir oleh wasi.

## **5.2 Pendapatan Penggajian – Perenggan 4(b) ACP**

Suatu penggajian wujud apabila terdapat perhubungan di antara tuan (majikan) dan orang suruhan (pekerja) melalui mana-mana pelantikan atau perjawatan sama ada terbuka atau sebaliknya yang mana wujud saraan kena dibayar oleh majikan kepada pekerja.

Pendapatan kasar seseorang pekerja adalah terdiri daripada laba atau keuntungan daripada penggajian di bawah subsekyen 13(1) ACP termasuk mana-mana upah, gaji, saraan, gaji cuti, fi, komisen, bonus, ganjaran, perkuisit atau elaun (sama ada dalam bentuk wang atau sebaliknya), manfaat berupa barangan dan tempat kediaman yang berhubung dengan penggajian yang dijalankan atau dipunyai.

Apabila seseorang pekerja meninggal dunia maka tiada lagi saraan yang diterima memandangkan terputusnya hubungan di antara pekerja dan majikan. Majikan perlu memaklumkan kematian pekerja kepada LHDNM dalam tempoh 30 hari setelah menerima makluman berhubung kematian pekerja daripada saudara terdekat pekerja.

Nota:

Saudara terdekat bermaksud seseorang yang mempunyai pertalian darah atau perhubungan yang sah seperti ibu bapa, suami atau isteri, anak, adik beradik atau sepupu.

## **5.3 Pendapatan Lain**

a) Sewa – Perenggan 4(a) atau 4(d) ACP

Pendapatan sewa diperolehi oleh individu apabila hartanah yang dimiliki disewakan kepada orang lain.

Selepas kematian pemilik, hartanah tersebut hendaklah diserahkan kepada waris yang berhak (benefisiari). Sekiranya hartanah tersebut masih disewakan selepas kematian pemilik asal maka pendapatan sewa akan diserahkan kepada pemilik baharu.

Walau bagaimanapun, jika hartanah yang disewa tidak diagihkan kepada benefisiarinya, maka pendapatan sewa yang diterima selepas tarikh kematian hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada pendapatan harta pusaka Si Mati di bawah pentadbiran wasi.

b) Komisen – Perenggan 4(a) atau 4(f) ACP

Biasanya individu menerima pendapatan komisen daripada syarikat pembayar atau individu lain selepas melaksanakan transaksi atau perkhidmatan tertentu sebagai ejen, pengedar atau pengagih.

Apabila individu yang bertindak sebagai ejen, pengedar atau pengagih ini meninggal dunia, maka tiada lagi komisen yang diterima kerana tiada transaksi atau perkhidmatan yang dijalankan.

c) Dividen – Perenggan 4(c) ACP

Syarikat mengagihkan keuntungannya kepada pemegang-pemegang sahamnya dalam bentuk dividen apabila syarikat memperolehi keuntungan. Dividen boleh diagihkan atau dibayar secara tunai, aset lain atau terbitan saham.

Selepas tarikh kematian Si Mati, dividen yang diterima merupakan sebahagian pendapatan harta pusaka Si Mati di bawah pentadbiran wasi.

d) Faedah – Perenggan 4(c) ACP

Pendapatan faedah adalah pulangan atau bayaran yang dibuat oleh satu pihak untuk penggunaan dana yang dimiliki oleh satu pihak yang lain. Faedah juga biasanya merupakan sebahagian daripada keuntungan yang dibuat oleh peminjam daripada menggunakan dana tersebut.

Pendapatan faedah yang diterima selepas tarikh kematian Si Mati merupakan sebahagian pendapatan harta pusaka Si Mati di bawah pentadbiran wasi.

e) Pencen – Perenggan 4(e) ACP

Pencen ialah bayaran yang dibuat oleh bekas majikan kepada pekerja yang telah bersara (pesara). Pencen dibayar apabila pekerja:

- a) bersara pada atau selepas umur 55 tahun; atau
- b) bersara pada umur persaraan wajib atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau
- c) bersara awal sebelum umur 55 tahun; atau
- d) bersara disebabkan faktor kesihatan.

Selepas kematian pesara, pencen pesara biasanya akan diterima oleh suami atau isteri pesara.

Sekiranya pesara menerima lebih daripada satu pencen, hanya satu pencen yang dikecualikan daripada cukai. Pencen yang tidak dikecualikan daripada cukai adalah tertakluk kepada cukai di bawah perenggan 4(e) ACP.

f) Anuiti – Perenggan 4(e) ACP

Anuiti adalah satu siri pembayaran yang diterima oleh individu secara berkala sebagai salah satu punca pendapatannya. Anuiti juga boleh merujuk kepada jumlah bayaran yang diterima selama beberapa tahun atau seumur hidup. Pendapatan anuiti biasanya dibayar di bawah suatu kontrak, perjanjian atau wasiat. Amaun bayaran anuiti tidak tetap dan wujud keadaan berikut –

- a) di bawah polisi insurans anuiti yang dikeluarkan oleh syarikat insurans;
- b) melalui wasiat, pewarisan atau hadiah; atau
- c) diterima sebagai balasan untuk jualan aset atau penyerahan hak.

Anuiti ialah suatu pendapatan tulen yang diterima oleh penerima.

Apabila penerima meninggal dunia, tiada lagi sebarang bayaran anuiti dibuat kepadanya. Bayaran anuiti akan dipindahkan kepada penerima baharu atau kembali kepada pemilik asal berdasarkan kepada kontrak atau perjanjian.



## 6. Tindakan Pemberitahuan Kematian Si Mati

- 6.1 Apabila seseorang individu meninggal dunia, kematiannya hendaklah dilaporkan kepada agensi yang bertanggungjawab untuk mengesahkan kematian, sama ada pihak hospital atau pihak polis.
- 6.2 Pihak Jabatan Pendaftaran Negara akan merekodkan maklumat kematian dan mengeluarkan sijil kematian Si Mati.
- 6.3 Apabila sijil kematian Si Mati tersedia, saudara terdekat Si Mati hendaklah melaporkan atau memaklumkan kepada LHDNM mengenai kematian itu dengan kadar segera dan LHDNM akan memulakan penilaian berdasarkan subseksyen 74(3) ACP.
- 6.4 Semasa melaporkan kematian Si Mati kepada LHDNM, saudara terdekat Si Mati hendaklah menyediakan salinan sijil kematian dan salinan *Grant of Probate* atau salinan *Letter of Administration* bersama-sama Borang CP 57. Untuk maklumat lanjut sila rujuk di perenggan 11. Saudara terdekat boleh hadir ke lokaliti LHDNM yang mengendalikan fail cukai Si Mati atau pejabat LHDNM di kawasan berdekatan mereka untuk melaporkan kematian ini.
- 6.5 Saudara terdekat dinasihatkan untuk menghubungi *Hasil Care Line* untuk mengetahui lokaliti LHDNM yang mengendalikan fail Si Mati, dan mendapatkan alamat e-mel lokaliti tersebut supaya pemakluman serta salinan dokumen sokongan dapat dikemukakan secara atas talian.
- 6.6 Saudara terdekat yang hadir bersama dokumen sokongan tersebut, boleh terus menyemak kedudukan cukai Si Mati untuk menentukan sama ada wujud tunggakan cukai yang perlu dibayar atau lebihan bayaran cukai yang boleh dituntut daripada LHDNM.
- 6.7 Sekiranya saudara terdekat tidak dapat membayar semua cukai tertunggak Si Mati dalam satu pembayaran, LHDNM boleh memberi kelonggaran supaya bayaran dapat dijelaskan secara ansuran berdasarkan persetujuan bersama dengan kelulusan pihak pengurusan LHDNM.
- 6.8 Walau bagaimanapun, sekiranya Si Mati adalah seorang pekerja, saudara terdekat hendaklah segera memberitahu majikan Si Mati. Majikan Si Mati perlu menyalurkan maklumat berhubung kematian Si Mati kepada LHDNM dalam tempoh 30 hari selepas dimaklumkan oleh saudara terdekat Si Mati.

## 7. Harta Pusaka Si Mati

Harta Pusaka Si Mati merujuk kepada harta yang dimiliki oleh individu yang meninggal dunia pada hari kematiannya. Harta tersebut terdiri daripada wang tunai dan bukan tunai, kenderaan, saham dan aset hartanah seperti rumah, bangunan, tanah dan sebagainya. Harta yang ditinggalkan oleh Si Mati diwarisi oleh benefisiarinya.

Oleh itu, apabila berlakunya kematian, saudara terdekat Si Mati hendaklah menentukan sama ada Si Mati meninggalkan wasiat atau tidak.

### 7.1 Kematian Berwasiat

#### (a) Wasiat Sah

Apabila Si Mati meninggalkan wasiat, dan mahkamah memutuskan wasiat itu adalah sah, maka pihak mahkamah akan mengeluarkan *Grant of Probate*. *Grant of Probate* ini akan membenarkan orang yang diamanahkan dalam wasiat untuk mentadbir harta pusaka Si Mati bagi pihak waris atau benefisiari. Harta pusaka Si Mati seterusnya dikendalikan mengikut arahan yang ditetapkan dalam wasiat.

#### (b) Wasiat Tidak Sah

Jika mahkamah memutuskan bahawa wasiat Si Mati adalah tidak sah, waris terdekat atau benefisiari perlu memohon *Letter of Administration* daripada pihak mahkamah. Surat ini dikeluarkan oleh mahkamah untuk melantik pentadbir atau wakil yang sah untuk mentadbir harta pusaka Si Mati.

#### (c) Wasiat Sebahagian

Hanya peruntukan tertentu wasiat boleh berkuat kuasa, manakala peruntukan yang lain dalam wasiat yang sama mungkin tidak boleh berkuat kuasa. Dalam kes ini, mahkamah akan menentukan bahawa peruntukan yang tidak boleh berkuat kuasa hendaklah disifatkan sebagai tidak termasuk dalam pembahagian harta pusaka Si Mati.

### 7.2 Kematian Tidak Berwasiat

#### a) Waris Memohon *Letter of Administration*

Harta pusaka Si Mati tidak boleh ditadbir oleh sesiapa sehingga *Letter of Administration* diperolehi daripada pihak mahkamah dan

Undang-Undang Kematian Tidak Berwasiat akan menentukan siapa yang berhak bertindak sebagai wakil sah untuk menguruskan harta pusaka Si Mati.

b) Waris Tidak Memohon *Letter of Administration*


Jika *Letter of Administration* tidak dimohon, maka waris terdekat boleh dilantik untuk bertanggungjawab membayar liabiliti cukai Si Mati dan mentadbir harta peninggalan Si Mati.

**Contoh 1**

Puan Anisah merupakan seorang balu yang kematian suami akibat kemalangan jalan raya. Beliau seorang suri rumah yang tidak mempunyai pendapatan. Puan Anisah tidak memohon *Letter of Administration* kerana suaminya (Si Mati) tidak meninggalkan sebarang harta atau aset. Beliau telah melengkapkan dan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) suaminya bagi pihak Si Mati dan mengisytiharkan dirinya sebagai isteri Si Mati.

Puan Anisah adalah tergolong dalam kategori **orang lain** di bawah definisi wasi, seksyen 2 ACP yang mentadbir atau menguruskan harta pusaka suaminya yang telah meninggal dunia.

7.3 Ringkasan proses untuk melantik wakil sah (wasi) bagi harta pusaka Si Mati adalah seperti berikut:



## 8. Pentadbiran Harta Pusaka Oleh Wasi

8.1 Menurut seksyen 2 ACP, wasi bermaksud:

- (i) wasi;
- (ii) pentadbir; atau
- (iii) orang lain

yang mentadbir atau menguruskan harta pusaka orang yang meninggal dunia.

8.2 Wasi ialah individu yang dilantik oleh pihak mahkamah melalui *Grant of Probet* atau *Letter of Administration* bagi pihak waris untuk mentadbir harta pusaka Si Mati dan liabiliti yang ditinggalkan oleh Si Mati. *Grant of Probet* dan *Letter of Administration* juga dikenali secara kolektif sebagai *Grants of Representative*. Individu yang dilantik melalui *Grants of Representative* ialah wasi iaitu wakil peribadi Si Mati bagi mentadbir harta pusaka dan menjelaskan liabiliti Si Mati.

## 9. Tanggungjawab Wasi

Tanggungjawab wasi pada asasnya adalah untuk -

### 9.1 Mentadbir Harta Pusaka Si Mati

Wasi bertanggungjawab mentadbir harta pusaka Si Mati bagi pihak waris sebelum ianya diagihkan kepada benefisiari yang berhak.

Selain mentadbir harta pusaka, wasi juga bertanggungjawab ke atas kebajikan anak-anak Si Mati yang masih di bawah umur dan ibu bapa Si Mati (jika masih hidup). Ini termasuk menyediakan kebajikan mereka dengan menyediakan makan minum yang sempurna, tempat tinggal yang selesa, penjagaan yang baik, kesihatan, pendidikan dan keselamatan yang mencukupi.

### 9.2 Menjelaskan Liabiliti Si Mati

Liabiliti bermaksud tanggungan yang ditinggalkan oleh Si Mati selepas kematiannya, yang mesti diuruskan dan diselesaikan oleh wasi.

#### (a) Hutang Si Mati

Hutang yang ditinggalkan oleh Si Mati mungkin merupakan hutang dengan individu lain dan hutang dengan mana-mana institusi terutamanya institusi kewangan.

Harta pusaka Si Mati tidak boleh diagihkan kepada benefisiari atau waris yang berhak sehingga semua hutang Si Mati telah dijelaskan sepenuhnya oleh wasi.

Wasi akan menggunakan harta pusaka Si Mati, terutamanya wang tunai yang ada, atau menjual hartanah bagi menjelaskan hutang Si Mati.

(b) Liabiliti Cukai Si Mati

Seksyen 74 ACP menetapkan bahawa sebarang cukai pendapatan tertunggak tidak boleh dihapuskan secara automatik walaupun individu itu disahkan meninggal dunia.

Liabiliti cukai Si Mati adalah seperti berikut:

(i) Tahun Sebelum Kematian

- (A) Wasi perlu menyemak dengan LHDNM jumlah tunggakan cukai Si Mati bagi tahun-tahun sebelum kematian Si Mati. Sekiranya wujud tunggakan cukai yang belum dijelaskan oleh Si Mati semasa hayatnya maka wasi hendaklah menjelaskan tunggakan cukai Si Mati termasuk amaun penalti yang dikenakan.
- (B) Wasi hendaklah memfailkan BNCP bagi setiap tahun taksiran (TT) yang tidak difailkan oleh Si Mati semasa hayatnya. Jenis BNCP yang perlu dikemukakan oleh wasi bagi tahun-tahun sebelum kematian Si Mati adalah bergantung kepada punca pendapatan yang dijelaskan di perenggan 5 dan status pemastautin cukai Si Mati semasa hayatnya.
- (C) Taksiran cukai akan dibangkitkan oleh LHDNM setelah BNCP Si Mati diterima. Wasi bertanggungjawab menjelaskan semua amaun cukai yang dibangkitkan termasuk penalti yang dikenakan.
- (D) Wasi juga berhak untuk memohon bayaran balik cukai bagi pihak Si Mati jika terdapat bayaran balik cukai yang tidak di terima oleh Si Mati semasa hayatnya.

**Contoh 2**

En. Amran telah meninggal dunia pada 30 Jun 2023. Isterinya, Puan Rohaya dilantik oleh mahkamah sebagai wakil sah atau wasi berdasarkan surat wasiat yang sah. Puan Rohaya mengemukakan Borang CP 57 kepada LHDNM untuk melaporkan kematian suaminya. Semakan mendapati En. Amran (Si Mati) tidak mengemukakan BNCP bagi TT 2018 sehingga 2022. Puan Rohaya bertanggungjawab melengkapkan dan mengemukakan BNCP bagi TT 2018 hingga 2022 bagi pihak Si Mati. Puan

Rohaya juga bertanggungjawab menjelaskan cukai bagi TT 2018 hingga 2022 yang dibangkitkan oleh LHDNM termasuk penalti yang dikenakan.

(ii) Tahun Semasa Kematian

Tahun semasa kematian merujuk kepada tahun Si Mati meninggal dunia. Wasi bertanggungjawab untuk mengemukakan BNCP Si Mati pada tahun berkenaan kerana Si Mati meninggal sebelum sempat mengemukakan BNCP tahun berkenaan. Ini kerana BNCP bagi tahun kematian hendaklah dikemukakan kepada LHDNM selewatnya-lewatnya pada 30 April pada tahun berikutnya bagi yang menerima pendapatan penggajian atau selewat-lewatnya 30 Jun bagi mereka yang menerima pendapatan perniagaan.

**Contoh 3**

Cikgu Roslan (Si Mati) telah meninggal pada 20 Mei 2023, maka tahun semasa kematiannya adalah tahun 2023.

Wasi Si Mati iaitu isterinya perlu mengemukakan BNCP bagi TT 2023 tidak lewat daripada 30 April 2024, sekiranya Si Mati hanya menerima gaji sebagai seorang guru semasa hayatnya. Pendapatan yang perlu dilaporkan dalam BNCP 2023 adalah gaji Si Mati mulai 01 Januari 2023 hingga 20 Mei 2023. Pendapatan (kecuali pendapatan penggajian) yang diterima pada atau selepas 21 Mei 2023 (jika ada) adalah pendapatan harta pusaka Si Mati dan ditaksir terhadap isteri Si Mati sebagai wasi.

(iii) Tahun Selepas Kematian

- (A) Subseksyen 64(1) ACP memperuntukkan bahawa pendapatan yang terbit selepas tarikh kematian Si Mati hendaklah dianggap sebagai pendapatan harta pusaka Si Mati dan hendaklah ditaksir ke atas wasi Si Mati.
- (B) Oleh itu, pendapatan yang diterima daripada punca harta pusaka Si Mati selepas tarikh kematian dianggap sebagai sebahagian daripada pendapatan harta pusaka Si Mati dan bukannya pendapatan peribadi Si Mati.

#### Contoh 4

En. Anthony meninggal dunia pada 29 Ogos 2022. En. John iaitu adik mendiang En. Anthony dilantik sebagai wasinya melalui *Grant of Probate* setelah mahkamah mengesahkan kesahihan wasiat En. Anthony. Wasiat mendiang En. Anthony menyatakan bahawa adiknya En. John dilantik sebagai wasinya. Semasa hayatnya En. Anthony menerima pendapatan sewa daripada 10 buah rumah kedai yang dimilikinya. Oleh itu, pendapatan sewa yang diterima mulai 30 Ogos 2022 akan dianggap sebagai pendapatan harta pusaka En. Anthony dan ditaksir terhadap En. John sebagai wasi mendiang En. Anthony.

Wasi tidak boleh mengagihkan mana-mana aset harta pusaka Si Mati sekiranya wasi mengetahui terdapat apa-apa liabiliti cukai tertunggak Si Mati yang mesti di bayar kepada LHDNM kecuali wasi telah membuat peruntukan untuk membayar liabiliti cukai tertunggak Si Mati seperti peruntukan di bawah subseksyen 74(5) ACP.

Sekiranya wasi gagal membayar tunggakan cukai Si Mati, wasi boleh dikenakan tindakan sivil sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 106 ACP.

#### 10. Tempoh Pentadbiran Harta Pusaka oleh Wasi

Tempoh pentadbiran harta pusaka oleh wasi adalah di antara tarikh kematian Si Mati hingga tarikh pengagihan harta pusaka Si Mati kepada waris atau benefisiari yang layak.

- 10.1 Lazimnya, wasi / pentadbir / wakil sah diberikan tempoh tertentu oleh pihak mahkamah bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Tempoh ini membolehkan pihak pemiutang membuat dan menyokong tuntutan mereka terhadap harta pusaka Si Mati. Selain itu, tempoh ini membolehkan pihak berkaitan untuk mempertikaikan atau mempersoalkan sebarang peruntukan dalam wasiat Si Mati.
- 10.2 Wasi mesti menjelaskan kesemua hutang dan cukai yang tertunggak mengikut dokumen wasiat sebelum mengagihkan harta pusaka Si Mati.
- 10.3 Dalam kes tertentu, kematian berwasiat memperuntukkan supaya satu badan amanah ditubuhkan bagi melaksanakan arahan tertentu Si Mati. Wasi hanya boleh memindahkan semua tugasnya kepada pemegang amanah apabila baki harta pusaka Si Mati telah ditentukan dalam tempoh pentadbiran wasi.



- 10.4 Bagi kematian Si Mati tidak berwasiat, yang mana wasi telah menentukan baki harta pusaka Si Mati yang perlu diterima oleh setiap waris yang layak, adalah disyorkan bahawa mereka mempunyai bukti bertulis seperti perjanjian dikalangan waris.
- 10.5 Tempoh pentadbiran oleh wasi adalah penting kerana:
- a) Jika pentadbiran belum selesai, pendapatan yang diterima daripada punca harta pusaka dianggap sebagai pendapatan harta pusaka dan akan dikenakan cukai ke atas wasi Si Mati.
  - b) Jika pentadbiran telah selesai, sebarang pendapatan yang diterima daripada punca harta pusaka akan dianggap sebagai pendapatan benefisiari dan akan dikenakan cukai ke atas benefisiari yang kepadanya harta pusaka diagihkan.
  - c) Jika wasiat Si Mati memperuntukkan penubuhan satu badan amanah, pendapatan yang diterima daripada punca harta pusaka adalah pendapatan badan amanah itu dan akan dikenakan cukai ke atas pemegang amanahnya atau benefisiari yang layak. Sila rujuk Ketetapan Umum No.9/2020 Pencukaian Amanah untuk maklumat lanjut.

### Contoh 5

Fakta sama seperti di Contoh 4 kecuali terdapat fakta bahawa En. John telah menyelesaikan semua hutang kepunyaan mendiang En. Anthony termasuklah tunggakan cukai semasa beliau masih hidup. Mengikut wasiat En. Anthony, En John hendaklah mengagihkan semua aset hartanah, termasuk 10 buah rumah kedai kepada 3 orang anak mendiang dan balunya. Proses pengagihan ini selesai pada 01 Julai 2023, yang juga menandakan tamatnya tempoh pentadbiran En. John. Sebarang pendapatan yang diterima selepas tarikh ini dianggap sebagai pendapatan benefisiari dan akan dikenakan cukai atas benefisiari masing-masing.

- 10.6 Di Malaysia terdapat beberapa peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan pengagihan harta pusaka Si Mati kepada benefisiari yang layak. Di antaranya ialah:
- a) Akta Pengagihan 1958 [*Akta 300*],
  - b) *Parsee Intestate Succession Ordinance of Straits Settlements*,
  - c) Hukum Faraid; dan

d) *Intestate Succession Ordinance 1960*

Akta Pengagihan 1958 adalah tidak terpakai kepada penganut agama Majusi dan Islam. Penganut agama Majusi adalah tertakluk di bawah *Parsee Intestate Sucession Ordinance of Straits Settlements*, manakala penganut agama Islam adalah tertakluk kepada Hukum Faraid.

- 10.7 Tempoh pentadbiran harta pusaka oleh wasi akan tamat apabila harta pusaka digulungkan atau setelah harta pusaka selesai diagihkan iaitu setelah semua liabiliti Si Mati diselesaikan.

11. **Prosedur**

Saudara terdekat atau wasi boleh memaklumkan kematian Si Mati dengan menggunakan Borang CP 57, iaitu Borang Pemberitahuan Kematian Pembayar Cukai. Borang CP 57 boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi Hasil. Saudara terdekat atau wasi perlu mengemukakan Borang CP 57 bersama-sama dokumen sokongan yang disenaraikan dalam borang itu. Borang dan dokumen boleh diserahkan kepada lokaliti LHDNM yang mengendalikan fail Si Mati, atau mana-mana lokaliti LHDNM yang berhampiran. Selain itu, saudara terdekat dinasihatkan untuk menghubungi *Hasil Care Line* untuk mengetahui lokaliti LHDNM yang mengendalikan fail Si Mati, dan mendapatkan alamat e-mel lokaliti tersebut supaya pemakluman serta salinan dokumen sokongan dapat dikemukakan secara atas talian.

Majikan perlu mengemukakan Borang CP 22A iaitu Borang Permohonan Penyelesaian Cukai Pekerja Berhenti Kerja / Bersara / Meninggal Dunia bagi Pekerja Swasta atau Borang CP 22B iaitu Borang Permohonan Penyelesaian Cukai Pekerja Berhenti Kerja / Bersara / Meninggal Dunia bagi Pekerja Kerajaan. Kedua-dua borang ini boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi Hasil. Majikan perlu mencetak dan mengemukakan Borang CP 22A atau CP 22B ke lokaliti LHDNM yang mengendalikan fail Si Mati.

12. **Penafian**

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**